

91.

SOALAN NO: 44

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN HAJI HASBI BIN HAJI HABIBOLLAH
[LIMBANG]
TARIKH : 04/04/2018
SOALAN : 44**

Tuan Haji Hasbi Bin Haji Habibollah [Limbang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilakah pembinaan Klinik Long Napir yang sudah terlewat dari jadual akan dapat disiapkan.

Tuan Yang di-Pertua,

Projek pembinaan Klinik Kesihatan (Jenis 6) Long Napir, Limbang dilaksanakan oleh agensi pelaksana JKR Sarawak. Tarikh siap yang dijadualkan adalah pada 2 Januari 2018 tetapi telah mendapat *Extension of Time* (EOT) sebanyak dua (2) kali yang berjumlah 113 hari dan jadual dijangka siap yang baharu adalah pada 25 April 2018. Sehingga Februari 2018, peratus kemajuan fizikal sebenar adalah sebanyak 24.5% berbanding jadual sebanyak 87.51%.

Punca utama kelewatan projek ini adalah disebabkan keadaan cuaca yang tidak menentu yang dihadapi oleh pihak kontraktor di Long Napir. Keadaan hujan yang berlaku seringkali menyebabkan jalan ke tapak projek terputus akibat kerosakan jalan atau banjir. Perkara ini telah menyebabkan urusan logistik seringkali terganggu.

Kementerian Kesihatan selaku pemilik projek bekerjasama dengan agensi pelaksana iaitu JKR Sarawak mengambil pendekatan memantau projek ini dengan kerap. Selain itu, pihak JKR Sarawak turut membuat pemantauan secara *close monitoring* pada setiap minggu.